

# REPRESENTASI TANDA BABI SEBAGAI PENANDA PENYUCIAN DALAM *ENTELAH* MASYARAKAT IBAN

*(Representation of the Swine Sign as a Signifier of Purification in Ibanese Entelah)*

*Patricia Ganing*  
patricia.ganing@gmail.com

Universiti Pendidikan Sultan Idris

*Asmiaty Amat*  
adajiwa@gmail.com  
*Lokman Abdul Samad*  
lokns@yahoo.com

Universiti Malaysia Sabah.

## Abstrak

*Entelah* atau teka-teki dalam masyarakat Iban mengandungi banyak tanda tersurat yang menginterpretasikan makna tersirat. Kajian terhadap 10 buah *entelah* mendapati bahawa satu tanda dominan yang kerap diungkapkan dalam *entelah* ialah penggunaan kata babi. Teori semiotik Charles Sander Peirce digunakan sebagai alat untuk meneliti penggunaan kata babi sebagai tanda, penanda dan petanda dalam kehidupan masyarakat Iban. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa babi bukan sahaja menjadi makanan orang Iban tetapi menjadi alat penyucian bagi membuang badi dan sial yang digunakan dalam upacara menguruskan kematian, upacara perkahwinan terlarang, upacara menguruskan anak luar nikah, upacara membersihkan pasangan berzina, dan upacara penyucian dalam pertanian.

Kata kunci: *entelah*, babi, penanda penyucian, teori semiotik Peirce, masyarakat Iban

### ***Abstract***

*Entelah or riddles are a part of the oral literature of the Iban. Entelah contain many signs for different signified meanings. A study of 10 entelah reveals that the most dominant sign is that of 'swine' or 'pig'. Consequently, this study employs the semiotic theory of Charles Sander Peirce to study the use of 'swine' or 'pig' as sign, signifier and signified among the Iban community. The findings show that swine are not only consumed but are also used in purification rituals to remove the badi (bad influence) or sial (ill fortune) associated with deaths, taboo marriages, out-of-wedlock births, adulterers, and the purification of agricultural lands.*

*Keywords: entelah, swine/pig, purification signifiers, Peirce's semiotic theory, Iban community*

## **PENDAHULUAN**

Pada zaman dahulu, sastera rakyat menjadi salah satu medium komunikasi penting dalam masyarakat tradisional. Sastera rakyat yang terhasil daripada sastera klasik yang bercorak lisan dikenali juga sebagai folklor. Menurut Sukatman (2009, p. 3), seluruh material pada folklor lisan berbentuk lisan, dan biasanya mempunyai tradisi pertuturan lisan. Tradisi pertuturan tersebut ada yang masih aktif dan ada yang pasif. Di Sarawak, masyarakat Iban adalah antara etnik yang kaya dengan karya sastera lisan yang menjadi warisan berharga dalam masyarakat Iban. *Entelah* atau teka-teki merupakan sastera lisan yang menjadi warisan berharga dalam masyarakat Iban yang masih hidup, berkembang dan digunakan sehingga kini.

Istilah *entelah* terbentuk daripada kata dasar *telah*. Menurut kamus bahasa Iban (Tun Jugah, 2011), *telah* bermaksud “nyebut” atau “menyebut”. Seterusnya, kata dasar tersebut mengalami proses penambahan imbuhan awalan, iaitu *-en*. Apabila kata dasar *telah* mengalami proses penambahan imbuhan, maka muncullah satu kata baharu, iaitu *entelah* yang turut membawa maksud yang lain. Setelah digabungkan, maka kata *entelah* membawa maksud teka-teki dalam masyarakat Iban. Kamus tersebut turut menyatakan bahawa *entelah iya nya main dikena beperindang ti ngena jaku silup, jaku kelaung ngelalaika utai* (Tun Jugah, 2011, p. 283). Kenyataan tersebut bermaksud *entelah* ialah permainan atau sastera lisan yang menjadi hiburan yang menggunakan bahasa kiasan dan perumpamaan bagi menyembunyikan sesuatu perkara.

*Entelah* tidak dicipta tanpa tujuan, tetapi mempunyai fungsi dalam kehidupan masyarakat Iban. Secara umumnya, *entelah* berfungsi sebagai hiburan, menguji minda, dan sebagainya. Selain itu, *entelah* turut berfungsi merakamkan sosiobudaya masyarakat Iban menerusi kandungan pernyataan dalam penceritaan yang digunakan. Patricia Ganing (2016) menyatakan bahawa keistimewaan *entelah* dapat dilihat melalui bentuk penceritaannya, manakala kandungan pernyataan dalam penceritaan *entelah* mengandungi gambaran tentang kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban tradisional. Kajian terhadap beberapa *entelah* yang diperolehi mendapati bahawa dalam penceritaan *entelah*, pengulangan kata babi amat kerap dilakukan. Pengulangan ini seolah-olah memberikan isyarat bahawa kata babi adalah sebagai suatu tanda yang bersandarkan penanda untuk menginterpretasikan petanda yang berkaitan dengan sosiobudaya masyarakat Iban.

### **Sorotan Kajian**

Pada peringkat awal, kajian terhadap *entelah* bersifat pengumpulan dan pendokumentasian dalam bentuk buku dan juga majalah hiburan. Pengumpulan dilakukan oleh beberapa pengkaji tempatan, termasuklah Boniface Jaraw Serit (1963) yang mengumpulkan sebanyak 100 buah *entelah*. Seterusnya, Jimmy Donald (1993) memuatkan sebanyak 46 *entelah* ke dalam buku yang dihasilkannya, iaitu *Chara Enggau Gaya Leka main Iban*. Tun Jugah Foundation dalam buku *Entelah* (2009) pula mengumpulkan sebanyak 261 *entelah*. Usaha pengumpulan *entelah* juga turut dilakukan oleh Casper Kayong Umping dalam bukunya, *Begiga Entellah* (2010) yang berjaya mengumpulkan sebanyak 100 buah *entelah*. Usaha pengkaji mengumpulkan *entelah* ini sangat berharga demi memelihara *entelah* daripada lenyap bersama-sama generasinya yang awal.


Patricia Ganing (2013) dalam tesis sarjananya yang bertajuk “Analisis Entelah” dalam masyarakat “Iban” mendokumentasikan dan menterjemahkan sebanyak 300 *entelah* masyarakat Iban ke dalam bahasa Melayu. Beliau memfokuskan kajian terhadap aspek bentuk dan mengelaskan *entelah* kepada dua bentuk berdasarkan kaedah penghasilannya. *Entelah* yang menggunakan kaedah penghasilan pertama dan kaedah penghasilan kedua mempunyai sedikit perbezaan bentuk struktur fizikalnya. Beliau juga membahagikan tema *entelah* berdasarkan jawapannya. Tema terbahagi kepada tema anatomi manusia, peralatan harian, flora dan fauna, aktiviti seharian manusia, makanan dan minuman, serta kenderaan. Seperti teka-teki masyarakat lain, *entelah* juga mempunyai fungsinya kepada masyarakat Iban. Menurut Patricia Ganing (2013) antara fungsi *entelah* adalah untuk menguji minda, hiburan, interaksi, dan sebagainya yang berunsur didaktik.

Kajian awal mendapati bahawa bentuk *entelah* menonjolkan tanda yang menggambarkan pandangan dunia masyarakat Iban terhadap kepercayaan dan kehidupan mereka. Terdapat tiga tanda bererti dalam *entelah*, iaitu Dewi Kumang, babi dan pokok tualang. Dewi Kumang mengacukan penanda kuasa sakti, kecantikan, kebijaksanaan dan kepintaran, ketinggian budi pekerti dan ketaatan kepada suami. Seterusnya, penanda kepada tanda babi adalah seperti kekuatan, penyucian, pendamaian, simbol ramalan, berpindah-randah, petunjuk, penyembuhan dan simbol keibuan. Pokok tualang pula mengacukan penanda pemilikan, kualiti, hormat-menghormati dan perlindungan. Dalam struktur fizikal *entelah*, Dewi Kumang hanya terletak pada kandungan penyataan. Seterusnya, babi dan pokok tualang pula terletak pada kandungan penyataan, tempat, pembayang dan jawapan *entelah*. Ketiga-tiga tanda ini membawa penanda yang akhirnya memperlihatkan petanda kepercayaan dan kehidupan masyarakat Iban secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya akan memberikan tumpuan pada tanda babi sebagai penanda penyucian dalam masyarakat Iban kerana masih belum ada kajian yang memberikan tumpuan pada tanda babi yang menggambarkan pandangan dunia masyarakat Iban.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan kajian lapangan untuk mengkaji penggunaan kata babi dalam *entelah* masyarakat Iban. Pada peringkat awal kajian, *entelah* diperoleh dan didokumentasikan menggunakan kaedah rakaman. *Entelah* tersebut seterusnya ditranskripsi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Penelitian seterusnya adalah dengan mengasingkan kata babi yang terkandung dalam *entelah* sama ada menerusi kandungan penyataan, tempat (*menua*), pembayang (*ulu lungga*) dan jawapan (*lalai*). Kata babi yang diasingkan dianalisis untuk meneliti perkaitannya dengan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban.

Teori semiotik Charles Sander Peirce digunakan sebagai alat untuk merungkaikan tanda dan penanda dalam *entelah*. Berlandaskan teori semiotik Peirce, tahap yang pertama (*firstness*) dalam penelitian ini adalah untuk mengenal pasti tanda. Seterusnya, peringkat yang kedua (*secondness*) pula adalah untuk menentukan sama ada objek yang dikenal pasti boleh diacukan kepada ikon, indeks atau simbol. Tahap ketiga (*thirdness*) pula, pengkaji akan mentafsir makna pada tanda yang dikenal pasti untuk mengetahui petanda yang istimewa kepada masyarakat Iban. Model teori yang digunakan untuk meneliti penggunaan kata babi dalam *entelah* adalah seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1 Model penelitian entelah.

Berdasarkan model teori yang digunakan, beberapa rangkap *entelah* yang mengandungi kata babi, khususnya yang berkaitan dengan darah babi diteliti. Peringkat mengenal pasti tanda (tahap pertama), ialah peringkat *representamen*. Tahap yang kedua ialah proses memadankan tanda dengan acuannya sama ada sebagai ikon, indeks atau simbol. Tanda darah babi dipadankan sebagai simbol penyucian kerana disepakati oleh masyarakat Iban. Seterusnya, tahap terakhir adalah untuk menginterpretasi petanda yang berkaitan dengan simbol penyucian, manakala simbol penyucian tersebut mestilah menginterpretasikan makna tersirat yang berkaitan dengan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban. Dalam penelitian ini, babi ialah tanda yang menyandarkan penyucian sebagai penandanya, manakala penanda penyucian pula menginterpretasikan petanda yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Iban.

## PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, darah babi merupakan fokus utama penelitian. Namun demikian, istilah babi yang terdapat dalam *entelah* lain turut diteliti. Walaupun tidak terdapat penggunaan khas darah babi dalam pernyataan sesetengah *entelah* yang diteliti, namun terdapat makna tersirat berkenaan dengan fungsi darah babi. Contoh *entelah* yang mengandungi kata babi adalah seperti yang berikut:

*Entelah 1*

Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<p><i>Tuai sida Sebuyau ngumbai diri ngiga leka lingkau, Nepan sengkayau udah digitang, <b>Tuai sida Lasi ngumbai diri ngiga jani,</b></i></p> <p><i>Nemu diri tak tengali telentang buang.</i></p> <p><i>Ulu lungga: Singkang agi rapat Ngelalaika: manang ngambi semangat</i></p>	<p>Ketua orang Sebuyau menyatakan diri sendiri mencari bijirin, Duduk di atas penyidai yang digantung, <b>Ketua kepada Lasi menyatakan diri mencari babi,</b> Rupa-rupa dirinya keseorangan terbang telentang.</p> <p>Pembayang: langkah masih rapat Jawapan: bomoh memulihkan semangat</p>

*Entelah 2*

Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<p><i>Landak nelan lutak, Lutak nelan batu. Batu beranakka nyemetak, Nyemetak beranakka kayu.</i></p> <p><i>Menua: Di tanah landai keranjai indai imbuk kedidi. <b>Di emperan nyapan sungkur suam indu babi.</b></i></p> <p><i>Ulu Lungga: gajah utan. Ngelalaika: buah rian</i></p>	<p>Landak menelan lumpur, Lumpur menelan batu, Batu pula melahirkan lintah, Lintah melahirkan kayu.</p> <p>Tempat: di tanah rata dicakar ibu burung kedidi, <b>Di tanah rata disodok ibu babi.</b></p> <p>Pembayang: gajah hutan Jawapan: buah durian</p>

Dalam kajian ini, darah babi dianggap sebagai tanda yang mengacukan penanda penyucian. Penyucian diklasifikasikan sebagai penanda jenis simbol. Penanda penyucian dikelompokkan kepada jenis simbol kerana disepakati oleh masyarakat Iban. Berdasarkan model analisis yang dibina, kajian bertujuan mengesan penanda kepada tanda babi pada tahap kedua (*secondness*). Seterusnya, peringkat mengesan petanda yang diinterpretasikan oleh simbol penyucian adalah pada tahap ketiga (*thirdness*). *Entelah* yang mengandungi tanda babi yang menggambarkan simbol penyucian adalah seperti yang berikut:

*Entelah 3*

Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<p><i>Keling enda tau gali di tikai Aji Besumping.</i>  <i>Enti Keling gali di tikai Aji Besumping,</i>  <i>Keling nguing ngagai pating ensurai ranjing pepanggil ngembang.</i>  <i>Laja enda tau gali ditikai buah tiga.</i>  <i>Enti iya gali ditikai buah tiga,</i>  <i>Nyaya ngagai ai ubi ara</i>  <i>Ke reruya ruyak ditebang.</i></p> <p><i>Menua: Di tanju pandang gunggu guntur betinggang, di kaki atap kena dedat tungkat lemambang</i></p> <p><i>Ulu Lungga: Mati sere ambi magang, ambi badu mela enseluai.</i></p> <p><i>Ngelalaika: <b>babi ke digayang di tanju maya gawai</b></i></p>	<p>Dewa keling tidak boleh berbaring di tikar Aji Besumping kerana akan menyebabkannya berpusing ke arah pokok ensurai. Laja tidak boleh berbaring di tikar buah tiga kerana akan menyebabkan air ubi patah dahan seperti ditebang.</p> <p>Tempat: di serambi menunjukkan deruman guruh bertimpa, di kaki atap terkena pukul tongkat <i>lemambang</i> (seseorang lelaki Iban yang mahir dalam puisi seperti jampi, mentera, dll)</p> <p>Pembayang: serai mati diambil semuanya supaya berhenti menyediakan ikan seluang sebagai lauk</p> <p>Jawapan: <b>babi yang disembelih di serambi semasa Gawai (perayaan ritual masyarakat Iban)</b></p>

Dalam jawapan *entelah 3* terdapat pernyataan yang mengatakan *babi ke digayang di tanju maya gawai* yang bermaksud babi yang disembelih di serambi rumah semasa Gawai. Pernyataan dalam *entelah* ini sebenarnya mengandungi petanda yang membawa makna yang sangat besar dalam kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban. Babi dibunuh untuk upacara miring atau persembahan. Pernyataan pada *entelah* ini sebenarnya mengandungi petanda yang membawa makna yang sangat besar dalam kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban. Tanda babi yang terdapat dalam *entelah* menjadikan penanda penyucian sebagai objeknya dan menginterpretasikan petanda dalam kehidupan masyarakat Iban. Walaupun tidak terdapat penggunaan darah babi secara khusus dalam pernyataan *entelah 3*, namun terdapat pernyataan yang membawa makna tersirat berkenaan dengan darah babi.

Dalam pengertian masyarakat Iban, tindakan menyucikan atau membersihkan bermaksud membuang badi akibat tindakan melanggar pantang larang agar tidak menimbulkan malapetaka. Pantang larang merujuk had kehidupan yang digariskan oleh sistem kepercayaan, terutama apabila wujud kesedaran tentang kehadiran makhluk halus yang menetap bersama-sama mereka (Jusman & Saidatul, 2010, p. 68). Oleh itu,



pantang larang haruslah dipatuhi oleh masyarakat setempat yang mempercayainya. Tindakan yang berkaitan dengan penyucian perlu dilakukan dalam suatu upacara khas. Penyucian ialah suatu tindakan mengorbankan babi bagi mengeluarkan darahnya, manakala darah yang mengalir menjadi simbol penyucian atau membersihkan badi yang mengganggu kehidupan manusia. Tindakan menyucikan ini tidak dianggap sebagai membuang segala badi semata-mata, malah dianggap sebagai bayaran atau persembahan kepada tuhan atau *petara*. Dengan cara ini, bencana atau malapetaka yang bermungkinan timbul kesan tindakan terlarang tersebut dapat dielakkan.

### Penyucian dalam Upacara Menguruskan Kematian

Satu daripada petanda yang diinterpretasikan oleh simbol penyucian ialah perkara yang berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Iban untuk menguruskan upacara kematian. Darah babi sangat diperlukan sebagai alat penyucian apabila berlakunya kematian. Petanda berkaitan dengan perkara tersebut terakam secara tersirat dalam *entelah*. Namun, penggunaan kata babi secara kerap dalam *entelah* sebenarnya memberikan isyarat bahawa kata tersebut ialah tanda yang mempunyai petanda. Contoh *entelah* yang mengandungi tanda babi adalah seperti yang berikut:

#### *Entelah 4*

<b>Bahasa Iban</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
<p><i>Kumang Dayang Lenta, Enti iya turun ke damun umai rimba, Mansang baka ke ka enggai, Pulai baka ke ka enda, Ulih ngupah enggau telu gerama, Bulih seraga tunjang menarang.</i></p>	<p>Sekiranya Kumang Dayang Lenta pergi ke sawah, dia seolah-olah tidak mahu pergi dan balik jika tidak diupah dengan telur ketam seraga.</p>
<p><i>Kumang Dayang Jawai, Enti iya nurun ke damun dandang umai, Mansang baka ke ka enda, Pulai baka ke ka enggai, Ulih ngupah enggau telu kechai, Enda ulih pegai jangkam meranggang.</i></p>	<p>Sekiranya Kumang Dayang Jawai pergi ke sawah, dia seolah-olah tidak mahu pergi dan balik jika tidak diupah dengan telur lipas yang banyak sehingga tidak dapat dipegang.</p>
<p><b>Menua: Di baruh rumah begulai enggau seruah babi menua.</b> <i>Ulu Lungga: Buntak uduk Ngelalaika: anak manuk</i></p>	<p><b>Tempat: di bawah rumah bersama-sama dengan sekumpulan babi yang dipelihara.</b> Pembayang: belalang anjing Jawapan: anak ayam</p>



Tanda babi pada *entelah* 4 mempunyai petanda dalam upacara pengurusan kematian dalam masyarakat Iban. Pada tempat atau menua struktur fizikal *entelah* berkenaan terdapat pernyataan, *di baruh rumah begulai enggau seruah babi menua* yang bermaksud di bawah rumah bersama-sama dengan sekumpulan babi peliharaan. Pernyataan ini bermaksud masyarakat Iban pada zaman dahulu memelihara babi di bawah rumah panjang mereka. Ilustrasi yang menunjukkan keadaan babi yang dipelihara di bawah rumah panjang masyarakat Iban pada zaman dahulu adalah seperti dalam Gambar 1.



**Gambar 1** Kaedah pemeliharaan babi oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu.

Gambar tersebut bertujuan menunjukkan situasi masyarakat Iban pada zaman dahulu yang memelihara babi dengan cara membiarkannya hidup berkeliaran di persekitaran rumah panjang. Tindakan ini sebenarnya berkait rapat dengan upacara pengurusan kematian dalam masyarakat Iban. Rasionalnya, bagi masyarakat Iban, babi yang dipelihara di persekitaran rumah memudahkan mereka untuk menangkap haiwan tersebut jika diperlukan dalam keadaan terdesak, terutama jika berlaku kematian pada waktu malam dan di luar kawasan rumah panjang.

Menurut kepercayaan masyarakat Iban, salah satu perkara yang sangat penting diuruskan dengan baik dan mengikut segala pantang larang ialah upacara pengurusan kematian. Masyarakat Iban mula pandai menguruskan upacara kematian berdasarkan mitos seorang lelaki Iban yang bernama Serapoh yang mendengar tunjuk ajar daripada suatu bisikan halus. Bisikan halus tersebut memperkenalkan dirinya sebagai Puntang Raga. Jantan Umbat dan Janang Ensiring (2004, p. 6) menyatakan:

*Puntang Raga bisi ninga nyawa orang nyapa. Orang nya madahka diri Puntang Raga lalu madahka kebuah sida bejarit mati, laban bangkai orang ke mati enda disenggai lalu nadai diberi basa. Puntang raga lalu ngajar Serapoh jalai ngintu pemati ari maya siku-siku mutuskan seput.*

Yang bermaksud:

Puntang Raga terdengar suara menyapanya. Orang tersebut memperkenalkan dirinya sebagai Puntang Raga, lalu menerangkan sebab terjadinya kematian yang berturutan kerana orang yang meninggal dunia tidak diuruskan dengan baik dan tidak diberikan penghormatan. Puntang Raga seterusnya mengajar Serapoh cara menguruskan upacara kematian bermula daripada seseorang tersebut menghembuskan nafas terakhir.

Sebelum terdengar bisikan halus tersebut, masyarakat Iban pada waktu itu tidak mempunyai suatu adat yang khusus untuk menguruskan kematian. Mayat dibungkus dengan tikar dan dikuburkan begitu sahaja. Disebabkan tindakan ini, makin ramai orang yang meninggal dunia kerana dijangkiti pelbagai penyakit. Oleh sebab itu, semenjak peristiwa yang dilalui Serapoh, sehingga hari ini masyarakat Iban amat mementingkan upacara pengurusan kematian dengan penuh adat istiadat. Jika babi tidak digunakan dalam upacara ini, nescaya seluruh penduduk kampung ditimpa malapetaka.

Dalam upacara menguruskan kematian, terdapat dua sebab babi dikorbankan. Pertama, adalah untuk membawa mayat dan keranda naik ke rumah panjang. Sekiranya seseorang meninggal dunia di luar kawasan rumah panjang, mayatnya akan dibawa balik ke rumah panjang untuk dijalankan upacara pengurusan jenazah. Namun, sebelum mayat dibawa naik ke rumah panjang, seekor babi dibunuh di kaki tangga. Darah babi yang mengalir dianggap dapat menyucikan badi daripada mayat tersebut. Upacara dilakukan ini mengelakkan kejadian buruk menimpa rumah

panjang mereka. Hal ini berbeza daripada amalan masyarakat Bugis di Sabah. Mereka menyembelih ayam sebelum membawa jenazah turun dari rumah. Proses menyembelih ayam sewaktu membawa jenazah ke tanah perkuburan ialah adat yang dilakukan dalam masyarakat Bugis supaya roh si mati tenteram dan tidak diganggu oleh makhluk lain yang berada di dalam tanah (Asmiaty, 2010).

Kedua, babi juga dikorbankan untuk membawa keranda naik atau masuk ke dalam rumah panjang. Pada zaman dahulu, seluruh penduduk kampung bekerjasama menguruskan upacara kematian, termasuk membuat keranda. Keranda yang digunakan untuk menyimpan mayat dibuat daripada kayu seperti kayu belian, kayu cengal, dan sebagainya. Proses membuat keranda dilakukan secara bergotong-royong di suatu tempat yang berdekatan dengan rumah panjang. Apabila siap sepenuhnya, keranda akan dibawa naik ke rumah panjang. Ketika membawa keranda naik ke rumah panjang, seekor babi akan dibunuh untuk tujuan penyucian. Tindakan ini juga dipercayai untuk membuang badi daripada keranda tersebut. Upacara ini juga mempunyai tujuan yang sama seperti membawa mayat naik ke rumah bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan menimpa rumah panjang dan juga penduduknya.

Pelanggaran pantang larang dipercayai akan menyebabkan kampung mereka menjadi *angat* atau kepanasan yang boleh mendatangkan malapetaka. Masyarakat Sungai di Sabah juga turut dipercayai konsep kepanasan kampung atau *mamot* berlaku akibat melanggar pantang larang. Dayu Sansalu (2012, p. 53) menyatakan bahawa *mamot* dalam konteks ini bermakna suatu keadaan yang mendatangkan bahaya, malapetaka, atau bencana alam seperti kemarau panjang, banjir, wabak penyakit, tanaman tidak menjadi, atau pendapatan terjejas. Mereka dipercayai bahawa keadaan ini berlaku akibat perbuatan jahat yang dilakukan oleh pihak tertentu. Oleh sebab itu, tanda babi yang muncul dalam *entelah* sangat penting untuk dirungkaikan bagi mendalami petanda yang terkandung di sebaliknya.

### **Penyucian dalam Upacara Perkahwinan Terlarang**

Selain upacara kematian, satu lagi petanda yang diinterpretasikan oleh penanda penyucian daripada tanda babi dalam *entelah* ialah pengurusan upacara perkahwinan dalam masyarakat Iban. Dalam konteks ini, darah babi ialah tanda, manakala simbol penyuciannya ialah penanda yang menginterpretasikan petanda yang berkaitan dengan perkahwinan terlarang masyarakat Iban. Yang berikut merupakan antara *entelah* yang mengandungi tanda babi yang mempunyai simbol penyucian sebagai penanda dan menginterpretasikan petanda yang berkaitan dengan perkahwinan terlarang.

## Entelah 5

Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<p><i>Uji indai isi aku Pasukka kelambi baju panjai, Pala aku indai ujak tempuga bulu ruai,</i></p>	<p>Mohon ibu pakaikan aku baju lengan panjang dan kepalaku dipakaikan dengan bulu <i>ruai</i> (sejenis burung),</p>
<p><i>Perut aku tanchang enggau rajut gari utai, Punggung aku tanchang enggau rantung pedang panjai.</i></p>	<p>Ikatlah perutku dengan azimat kain pengalas dan pinggangku diikat dengan pedang panjang,</p>
<p><i>Udah nya indai anjung aku ke lulung tanah tembawai, Engka bisi bala mikai deka ngalahka batang menua kitai,</i></p>	<p>Selepas itu ibu hantar aku ke tanah bekas tapak rumah yang berkemungkinan ada kumpulan Mikai hendak mengalahkan kampung kita.</p>
<p><i>Dia indai aku numbuk sida enggau tiruk mata gansai, Awakka sida iya lesi bebadai laya tekesai, Ngagai menua orang Mandai awai, Ti merundai ngakar tengang.</i></p>	<p>Di sana ibu saya menumbuk mereka dengan <i>tiruk</i> (sejenis lembing) tombak bermata tunggal supaya mereka meninggal dunia dan pergi ke tempat orang meninggal.</p>
<p><i>Uji indai isi aku, Pasukka kelambi gari kibung, Perut tanchang enggau rajut gari tajung,</i></p>	<p>Mohon ibu pakaikan aku baju yang diperbuat daripada kelambu, Ikat perutku dengan dengan azimat kain sarung,</p>
<p><i>Pinggang aku tanchang enggau pedang duku chandung Pala aku ujakka tempuga bulu burung.</i></p>	<p>Pinggangku dikat dengan pedang parang pendek dan kepalaku diletakkan bulu burung.</p>
<p><i>Lalu anjung aku indai ngagai lempa tanah langgung, <b>Biau enggau selingau manuk sabung, Bunuh serenti babi munung,</b> Beri ading piring tepung. Engka bisi bala Demong deka ngalah ka menua kitai Di kebong langit ngeruang. Dia indai aku lalu mantap sida, Enggau dajap duku chandung,</i></p>	<p>Lalu ibu menghantarkan aku ke kawasan tanah pamah di lurah dan di atas bukit, <b>Biau (mengibar sesuatu di atas kepala) dengan ayam sabung jantan, Bunuhlah sekumpulan babi yang berhidung panjang,</b> Hidangkan persembahan atau <i>piring</i> (makanan untuk dewa) tepung. Kemungkinan ada kumpulan Demong yang hendak mengalahkan kampung kita di lubang pada tanah langit</p>

*sambungan Entelah 5*

Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<i>Awakka sida lesi bebadi laya chundung, Ngagai menua sida di Nibung Ngandung di Batang.</i>	mencengkung. Sesampainya di sana ibu terus menetak mereka menggunakan parang pendek supaya mereka meninggal dunia di kampung mereka di Nibung Ngandung di Batang.
<i>Menua: Di emperan sungkur dupan Raja Babi. Di tisi rumah ninga orang belangkah ninting jari .</i>	Tempat: di tanah rata sungkur taring raja babi, di tepi rumah mendengar orang melangkah setiap tangan.
<i>Ulu Lungga: Kejegik kejaga kejagah. Ngelalaika: pentik jaga rumah</i>	Pembayang: <i>kejegik kejaga kejagah</i> Jawapan: patung kayu untuk dan menjaga rumah

Kandungan pernyataan *biau enggau selingau manuk sabung, bunuh serenti babi munung* atau biau yang bermaksud “mengibar sesuatu di atas kepala dengan ayam sabung jantan, bunuhlah sekumpulan babi yang berhidung panjang” dalam *entelah 5* mengandungi makna tersirat. Pernyataan tentang pasangan yang *dibiau*<sup>1</sup> dengan ayam ini sebenarnya mengandungi petanda berkaitan dengan perkahwinan terlarang. Seterusnya, babi pula dibunuh untuk mengeluarkan darahnya bagi menyucikan badi yang mungkin terkena pada pasangan dan seluruh penduduk kampung.

*Entelah 6*

Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<i>Melanyi bujang sigat, Ngempang ai Batang Anap, Dia iya bulih gemian ikan kepiat, Lalu deka diempa iya enggau Ungga dabong rapat. Oh Anang meh nuan makai nya deh Jengayang bujang sigat, Ko Tunku Ayu Haji Amat, Enggai ka nuan ditangkap Sap Ditungkat Abang.</i>	Melanyi bujang sigat, menghalang air Batang Anap, Anap, Di sana dia dapat ikan kepiat, Lalu hendak dimakan dia dengan langit rapat, Oh janganlah kamu makan itu Jengayang orang muda yang tampan, kata Tunku Ayu Haji Amat, Supaya kamu tak ditangkap oleh Sap,

*sambungan Entelah 6*

Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<p><i>Melanyi bujang ganggam, Ngempang ai Batang Igan, Dia iya bulih genali ikan bam, Lalu deka diempa iya enggau Ungga dabung lancham. Oh Anang nuan makai nya deh Jengayang Bujang ganggam, Pia ko Tunku Yu Abang Draman, Laban nya bedau di genselan orang Enggau selanjau ijau manuk jelayan,</i></p> <p><b><i>Lebuh uman mandi di pelangkan babi belang.</i></b></p> <p><i>Menua: menua antu menua petara, menua kitai menua iya Ulu Lungga: kerani sabah Ngelalaika: jadi salah</i></p>	<p>Melanyi orang muda yang tegap, menghalang air Batang Igan, Di sana dia dapat ikan hantu air, lalu hendak dimakan dia dengan lelangit yang tajam, Oh Jengayang Bujang yang tegap, janganlah kamu makan itu , kata Tunku Yu Abang Draman, sebab itu belum dikorbankan dengan ayam jantan jelayan (sejenis warna bulu ayam jantan), <b>Ketika uman mandi di kolam babi yang berbelang.</b></p> <p>Tempat: Tempat hantu tempat Tuhan, tempat kita, tempat ia Pembayang: kerani sabah Jawapan: perkahwinan terlarang</p>

Jawapan pada *entelah 6* mengandungi pernyataan yang berkaitan dengan *salah jadi* atau perkahwinan terlarang. Dalam masyarakat Iban, perkahwinan terlarang atau *jadi salah serak* bermaksud sebuah perhubungan yang terjadi dalam kalangan saudara-mara terdekat. Misalnya, anak saudara dengan bapa saudara yang menjalin hubungan terlarang, iaitu bapa saudara tersebut merupakan adik atau abang bapa si gadis yang ingin dikahwininya. Dalam kes seperti ini, pasangan tersebut akan dilarang sekeras-kerasnya mempunyai hubungan dan dinasihati dengan pelbagai cara. Namun, seandainya pasangan tersebut masih meneruskan hubungan dan tidak menerima nasihat daripada keluarga, maka perkahwinan terlarang tersebut terpaksa diteruskan. Di samping itu, terdapat juga perkahwinan terlarang yang terjadi disebabkan pasangan tersebut terlanjur dalam perhubungan sehingga menyebabkan si gadis berbadan dua. Apabila terjadinya keadaan sedemikian, maka perkahwinan terlarang merupakan jalan penyelesaian terakhir yang akan dilaksanakan bagi mengelakkan perkara yang lebih buruk terjadi. Pasangan yang berkeras dengan keputusan mereka untuk berkahwin terpaksa menanggung akibatnya pada kemudian hari.

Walaupun segala upacara untuk membuang badi akibat perkahwinan terlarang dilakukan, namun mereka mempercayai bahawa kesannya pasti berlaku. Contohnya,



dalam kehidupan pasangan tersebut, jika mereka mendapat harta yang banyak, namun rezeki untuk memperoleh cahaya mata akan menjadi sukar. Begitu juga sebaliknya, jika mereka memperoleh ramai cahaya mata, namun kehidupan seharian mereka akan menjadi sangat susah. Oleh sebab itu, seluruh penduduk kampung bersama-sama ahli keluarga pasangan akan melaksanakan segala upacara yang berkaitan dengan penuh adat istiadat bagi mengelakkan badi menimpa diri dan kampung mereka (Temu bual:Lemambang Abang).

Upacara penyucian membuang badi akibat perkahwinan terlarang ini dimulakan dengan *miring*. Menurut Tun Jugah Foundation (2009, p. 99), pernyataan *tuju enggau guna piring sigi dikena kitai nyembah Petara dikena kitai minta ampun ngagai Petara* bermaksud *miring* dilaksanakan adalah untuk menyembah dan memohon keampunan daripada tuhan. Pada zaman dahulu, upacara *miring* atau menyediakan persembahan kepada tuhan atau *petara* dilakukan di rumah panjang oleh ketua adat. Apabila selesai sahaja upacara *miring*, pasangan tersebut akan dibawa ke sebatang sungai untuk dimandikan bersama-sama dengan darah babi yang mengalir. Pada ketika itu, babi yang dianggap sebagai simbol penyucian memainkan peranan yang sangat penting, iaitu untuk membuang badi dan sial daripada perbuatan terlarang itu. Pasangan tersebut berada di hilir sungai, manakala ketua adat dan agama akan berada di hulu sungai untuk membaca segala doa atau jampi sebelum babi dibunuh. Dengan cara ini dipercayai segala badi kesan hubungan terlarang tersebut dibuang supaya tidak menimbulkan malapetaka atau bencana kepada kampung dan seluruh penduduknya. Selain itu, Casper Kayong (2010, p. 41) turut menyatakan bahawa adat menguruskan perkahwinan terlarang ini masih diwarisi dan diamalkan oleh masyarakat Iban sehingga hari ini untuk mengelakkan perkara tidak diingini berlaku.

### **Penyucian dalam Upacara Menguruskan Anak Luar Nikah**

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, satu lagi petanda penting yang diinterpretasikan oleh simbol penyucian ialah perkara yang berkaitan dengan adat menguruskan anak luar nikah. Bagi masyarakat Iban, kehadiran cahaya mata dalam keluarga diibaratkan sebagai pemberian tuhan yang sangat berharga. Namun, masalah sosial dalam kalangan masyarakat Iban tidak dapat dielakkan seperti bersama dengan pasangan sebelum berkahwin sehingga mengakibatkan si gadis mengandung anak luar nikah. Jika keadaan ini berlaku, keluarga pihak perempuan akan menyiasat dan mencari lelaki terbabit supaya bertanggungjawab. Sekiranya lelaki tersebut mahu bertanggungjawab, mereka akan dikahwinkan dengan segera.



Walau bagaimanapun, jika lelaki tersebut tidak mahu bertanggungjawab, seluruh penduduk kampung bersepakat untuk menguruskan upacara anak luar nikah secepat mungkin. Upacara ini harus dilakukan segera bagi mengelakkan malapetaka atau bencana menimpa seluruh penduduk kampung. Dalam upacara ini, anak yang dikandung oleh si gadis tersebut akan dipertanggungjawabkan kepada babi (Temu bual: Edmund Langgu). Oleh sebab itu, babi secara simboliknya diiktiraf sebagai bapa kepada bayi yang dikandungkan oleh gadis tersebut kerana dalam masyarakat Iban setiap anak yang lahir mesti mempunyai ibu dan bapa. Tujuan babi dijadikan simbolik bapa anak luar nikah tersebut adalah untuk mengelakkan kampung mereka ditimpa bencana besar kerana anak yang dilahirkan tanpa bapa dikatakan pembawa sial. Bencana seperti kilat, petir dan hujan yang tidak berhenti sehingga menyebabkan banjir, dan sebagainya boleh berlaku jika kelahiran anak tersebut tidak diuruskan mengikut upacara keagamaan. Antara *entelah* yang mengandungi maksud yang berkaitan dengan anak luar nikah adalah seperti yang berikut:

*Entelah 7*

Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<i>Indai ngerandang jalai, Anak nabuh bebendai.</i>	Ibu menebas jalan, Anak memalu gong.
<b><i>Ulu lungga: tawak beri kempik Ngelalaika: anak babi reruek</i></b>	<b>Pembayang: gong diberi kemek Jawapan: anak babi berbunyi reruek</b>

Setelah anak tersebut diisytiharkan berbakakan babi, maka babi tersebut akan dibunuh dan dikorbankan bagi mengeluarkan darahnya untuk menyucikan segala badi yang ada. Upacara ini dilakukan kerana darah babi dipercayai dapat menghapuskan segala sial atau perkara buruk yang bakal menimpa. Dalam konteks ini, babi berperanan sebagai simbol penyucian kelahiran anak luar nikah. Selesai sahaja upacara ini dijalankan, anak tersebut akan diterima dalam masyarakat Iban. Jika status anak tersebut diperlekehkan atau dihina, individu tersebut akan dihukum.

**Penyucian dalam Upacara Membersihkan Pasangan Berzina**

Simbol penyucian menjadi penanda kepada tanda babi yang terdapat dalam *entelah*. Penanda ini turut menginterpretasikan petanda yang berkaitan dengan upacara membersihkan pasangan berzina dalam kalangan masyarakat Iban. Antara *entelah* yang mengandungi cerita yang berkaitan dengan masalah zina dalam masyarakat Iban termasuklah:

*Entelah 8*

Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<p> <i>Udu ga nuan Aka,                      Kati nuan berani ngachuk aku enggau tiruk di                      keruntuk punjung pala,                      Nama nuan enda agi ngelala timpai mata,                      Nama kitai agi bekunsika dandang rian Enteli                      ditisi tawang tekura,                      Ampun aku au,                      Nadai aku bisi sengaja ngacuk nuan enggau di                      keruntuk punjung pala,                      Nya ga tekelanjur jari enda di peda bai begama                      matang petang.                      Udu ga nuan Igat!                      Kati nuan berani mantap aku enggau besi duku                      sadap,                      Uji nuan berati ngelala sekejap,                      Nama nuan enda ingatka kitai agi bekunsika                      Dandang rian lengsat ti cukup pengelebat                      bebua nunggang,                      Ampun aku au,                      Nadai aku bisi sengaja mantap nuan enggau                      besi duku sadap,                      Nya ga salah kenyap mimpi merap bini orang.</i> </p> <p> <i>Menua:                      Di menua ribai cukup pandai jalai nengkebang,                      Di segenap menua ukai semua bisi magang.                      Ulu lungga: sulu ambai mata                      Ngelalika: peluru nadai mata</i> </p>	<p>                     Kakak keterlaluan,                      Kenapa engkau berani mencucuk aku                      menggunakan lembing di kepala,                      Adakah engkau sudah tidak mengenali                      pandangan mata,                      Adakah kita masih berkongsi dusun                      durian di tepi Tawang Tekura,                      Maafkan aku,                      Aku tidak sengaja mencucuk engkau di                      kepala,                      itu disebabkan keterlanjuran tangan ketika                      meraba dalam gelap,                      keterlaluan engkau saudara,                      Kenapa engkau berani memotong aku                      dengan besi parang,                      Cuba engkau perhatikan mengenali seketika,                      Dusun durian langsung cukup lebat berbuah,                      Maafkan aku,                      Aku tidak memotong engkau dengan parang                      besi,                      Itulah tersalah mimpi memeluk isteri orang.                 </p> <p>                     Tempat:                      Di tempat ribai jalan pandai mencipta,                      Di seluruh tempat bukan semua memilikinya.                      Pembayang: kekasih hati                      Jawapan: peluru tiada bermata                 </p>

Dalam penceritaan *entelah 8* terdapat pernyataan *nya ga salah kenyap mimpi merap bini orang* yang bermaksud “tersalah mimpi memeluk isteri orang”. Walaupun dalam pernyataan *entelah* ini tiada penggunaan kata babi, namun pernyataan tersebut mengandungi maksud tersirat yang berkaitan dengan masalah zina atau *butang*. Dalam masyarakat Iban, *butang* bermaksud merampas isteri atau suami orang (Casper Kayong, 2010, p. 104). Oleh sebab itu, pasangan berzina tersebut akan disabitkan kesalahan menggunakan Adat Berangkat Butang. Menerusi

Adat Berangkat Butang, pasangan tersebut dikehendaki menjalani hukuman tertentu, termasuklah menjalani upacara penyucian. Upacara ini memerlukan darah babi yang dikorbankan untuk menyucikan segala badi, kesan perhubungan haram. Hubungan zina yang dimaksud dalam konteks ini ialah pasangan tersebut sudah mempunyai keluarga masing-masing, namun mereka masih mengadakan hubungan sulit yang terlarang. Masyarakat Iban sangat mempercayai bahawa hubungan sedemikian akan menimbulkan malapetaka yang akan menyusahkan seluruh kehidupan mereka. Oleh sebab itu, mereka sangat memandang berat masalah ini dan berusaha untuk menyelesaikannya secepat mungkin.

Dalam adat masyarakat Iban, pasangan yang ditangkap berzina akan dibuktikan dengan membunuh seekor babi. Jika tidak membunuh babi dan mengeluarkan darahnya, pasangan berzina tersebut masih tidak akan mengaku kesalahan mereka. Oleh sebab itu, sesiapa sahaja yang dikatakan *mansutka butang* atau menangkap pasangan tersebut harus membunuh seekor babi untuk membuktikan kebenarannya. Di samping itu, tindakan membunuh babi juga bertujuan menghindari segala badi, akibat hubungan haram tersebut. Masyarakat Iban mempercayai bahawa badi akan pergi bersama-sama darah babi yang mengalir, dan badi tersebut tiada lagi di kampung mereka. Badi ini dipercayai mengganggu seluruh kehidupan mereka, termasuklah mengakibatkan tanaman rosak, dan sebagainya. Setelah selesai upacara, pasangan tersebut akan dikenakan tindakan seperti membayar denda, dan mereka boleh memilih jalan penyelesaian sama ada berkahwin atau kembali kepada pasangan masing-masing. Namun, kebanyakan pasangan yang ditangkap lebih memilih jalan untuk berkahwin.

### **Penyucian Aktiviti Pertanian**

Seterusnya, simbol penyucian ini juga turut menginterpretasikan petanda menerusi aktiviti pertanian. Dalam aktiviti pertanian, babi juga mempunyai fungsi yang sangat penting. Antaranya termasuklah menjadi korban semasa pembukaan kawasan pertanian yang baharu. Tindakan ini bertujuan untuk mengelakkan pesawah dan hasil tanaman terkena badi daripada penunggu kawasan tersebut. Selain itu, darah babi ini berfungsi untuk membuang badi yang terkena pada hasil tanaman. Keadaan ini terjadi apabila petani tersebut tidak menjalankan upacara penyembahan ketika pembukaan kawasan sawah. Apabila keadaan ini berlaku, hasil tanaman menjadi rosak dimakan oleh tikus, belalang, burung, dan sebagainya. Keadaan ini menjadikan hasil tanaman mereka berkurangan pada tahun berkenaan. Antara *entelah* yang mengandungi kata babi termasuklah:

*Entelah 9*

Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<p><b><i>Babi belang tupi Ini Manang,</i></b> <i>Dulu but tulang, dudi but kulit.</i></p> <p><i>Menua: Di kampung nadai kala didinga ensung munyi orang. Di paya kata sungkur babi belang.</i> <i>Ulu Lungga: Tajung Jabu.</i> <i>Ngelalaika: mulung nyilu</i></p>	<p><b><i>Babi yang dipelihara oleh nenek Manang,</i></b> tulangnya terlebih dahulu busuk sebelum kulitnya.</p> <p>Tempat: di hutan tidak pernah kedengaran bunyi siulan manusia</p> <p>Pembayang: kain pelekat Jabu Jawapan: rumbia</p>


*Entelah 9* menunjukkan terdapatnya pernyataan *babi belang tupi ini Manang* yang bermaksud “babi yang dipelihara oleh nenek Manang”. Pernyataan ini mengandungi maksud tersirat bahawa babi yang akan dikorbankan untuk upacara penyucian tersebut ialah babi peliharaan mereka. Tindakan mengorbankan babi tersebut adalah untuk memohon kebenaran daripada penunggu sesebuah kawasan. Mereka mempercayai upacara ini mampu melindungi pesawah dan hasil tanaman daripada terkena badi. Antara *entelah* yang mengandungi kata babi yang mempunyai perkaitan dengan situasi ini termasuklah:

*Entelah 10*


Bahasa Iban	Bahasa Melayu
<p><i>Ni dik Raja Keti ka di' makai semelik padi paya,</i> <i>Enggai ko rusa enggai ka sida amba jaring digitang,</i></p> <p><b><i>Kitu dik jani-jani makai semelik padi ai,</i></b> <i>Enggai ko jani enggai ka pangka peti panga pakang.</i></p> <p>Menua: kampung lulung rigak laut bersembah nannga aji, tatai panjai endur kitai bumai ngulih ka padi Ulu lungga: orang baruh jaku Ngelalaika: manang munuh buyu</p>	<p>Di mana engkau Raja Keti mahukah engkau makan padi paya, Tidak mahu kata rusa kerana mereka takut tali jerat tergantung, <b>Kemari engkau babi makan padi air,</b> Tidak mau kata babi kerana takut terkena jerat.</p> <p>Tempat: kampung Lulung bersembah menunaikan haji, lereng bukit panjang tempat kita bersawah memperoleh padi Pembayang: orang merendah diri Jawapan: pawang membunuh hantu jahat</p>

*Entelah 10* mengandungi pernyataan *kitu dik jani-jani makai semelik padi ai* yang bermaksud, “kemari engkau babi makan padi air”. Pernyataan ini membawa maksud tersirat yang berkaitan dengan hasil tanaman yang dirosakkan atau dimakan





**Gambar 2** Mengorbankan babi untuk tujuan penyucian.



**Gambar 3** Model perahu yang berisi bangkai haiwan dan serangga perosak yang dihanyutkan di sebatang sungai.

oleh serangga perosak. Masyarakat Iban mempercayai bahawa tanaman yang dimakan dan diserang oleh serangga perosak disebabkan terkena badi daripada penunggu kawasan tersebut. Oleh sebab itu, darah babi dipercayai berfungsi untuk membuang badi yang terkena pada hasil tanaman. Keadaan ini terjadi apabila pesawah itu tidak melaksanakan upacara penyembahan sebelum mengusahakan sawah. Apabila keadaan ini berlaku, hasil tanaman menjadi rosak dimakan oleh tikus, belalang, burung, dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan hasil tanaman berkurangan pada tahun tersebut.

Seandainya pesawah tersebut ingin terus menanam padi di tapak yang sama pada tahun berikutnya, mereka perlu melakukan upacara yang dikenali sebagai *nelasih tanah* atau membersihkan tanah yang dilakukan ditebing sungai yang berdekatan seperti dalam Gambar 2. Tindakan membersihkan tanah ini bertujuan menghapuskan segala badi yang menyebabkan hasil tanaman mereka rosak.

Dalam upacara ini, sebuah model perahu direka khas dan dimasukkan bangkai tikus, belalang, burung pipit dan segala serangga yang dipercayai merosakkan hasil tanaman mereka (Gambar 3). Kemudiannya, seekor babi akan dibunuh di tebing sungai dan darah babi berkenaan dibiarkan mengalir mengikut aliran air sungai, dan pada masa yang sama model perahu tersebut dihanyutkan. Upacara ini merupakan simbolik pembuangan segala serangga yang mengganggu tanaman. Mereka mempercayai bahawa segala perosak yang mengganggu tanaman hanyut bersama-sama air sungai dan tidak akan datang semula merosakkan tanaman.

## PENUTUP

Babi merupakan salah satu tanda dominan yang terkandung dalam *entelah* dan tanda ini mempunyai penanda yang mewakilinya. Antara penanda tersebut termasuklah simbol penyucian. Simbol penyucian ini menginterpretasikan petanda yang berkaitan dengan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban. Petanda yang tersirat di sebalik penanda ialah perkara yang berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Iban untuk menguruskan kematian, anak luar nikah, perkahwinan terlarang dan pertanian. Oleh sebab itu, tanda babi yang muncul dalam *entelah* menjadi suatu isyarat penting untuk pengkaji merungkaikan segala petanda yang terkandung di sebalik tanda tersebut.

## NOTA

- 1 Suatu tindakan yang dilakukan oleh ketua agama dengan memusingkan ayam di atas kepala seseorang sambil membacakan doa.

## RUJUKAN

- Boniface Jaraw. (1963). *Entelah Iban*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Casper Kayong Umping. (2010a). *Begiga entellah*. Sibü: Vicskill Printing Sdn. Bhd.
- Casper Kayong Umping. (2010b). *Raja Singalang Burung: The legends of customary and faith*. Sibü: Vicskill Printing Sdn. Bhd.
- Janang Ensiring, & Jantan Uambat. (2004). *Ripih pengawa gawai antu*. Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Jimmy Donald. (1993). *Chara enggau gaya leka main Iban*. Kuching: Vanguard Press.
- Patricia anak Ganing. (2013). *Analisis entelah dalam masyarakat Iban*. Tesis Sarjana. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Patricia anak Ganing. (2016). *Tanda, penanda dan petanda dalam entelah Iban*. Tesis Doktor Falsafah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Sukatman. (2009). *Butir-butir tradisi lisan Indonesia: Pengantar teori dan pembelajarannya*. Yogyakarta: Laksbang Pressindo.
- Tun Jugah Foundation. (2009). *Bup sereba reti jaku Iban*. Kuching: Cardn Information Sdn. Bhd.
- Tun Jugah Foundation. (2011). *Adat Gawai*. Kuching: Cardn Information Sdn. Bhd.

## RESPONDEN

1. Informan: Lemambang Abang anak Saga  
Umur: 83 tahun  
Keturunan: Iban  
Tempat: Sg. Klampai  
Pekerjaan: Petani  
Tarikh Merakam: 11 November 2015, 12 Disember 2015
2. Informan: Lemambang Lau  
Umur: 64 tahun  
Keturunan: Iban  
Tempat: Rumah Lau  
Pekerjaan: Petani  
Tarikh Merakam: 10 Januari 2016
3. Informan: Dato' Sri Edmund Langgu  
Umur: 79 tahun  
Keturunan: Iban  
Tempat: Sg. Klampai  
Pekerjaan: Penulis  
Tarikh Merakam: 25 Mei 2015



4. Informan: Edmund Kumbang  
Umur: 63 tahun  
Keturunan: Iban  
Tempat: Seratok  
Pekerjaan: Ketua Kampung  
Tarikh Merakam: 21 Julai 2015, 10 Januari 2016
  
5. Informan: Ganing anak Jengi  
Umur: 61 tahun  
Keturunan: Iban  
Tempat: Rumah Maxwell, Daerah Subis  
Pekerjaan: Petani  
Tarikh Merakam: 10 Januari 2016

Diperoleh (*Received*): 28 Ogos 2017

Diterima (*Accepted*): 20 September 2017